

**PERKESO**

# Prihatin

April 2024



# Pekerja **KESUMA** Bangsa

# Tenaga kerja aset negara

PERKESO terus pelihara kebajikan semua.

Sabtu tahun, tanggal 1 Mei kita akan meraikan hari bagi mengenang sumbangan pekerja di seluruh negara. Jika ditelusuri sejarah sehingga membawa kepada pengiktirafan penuh bermakna ini, Hari Pekerja julung kali disambut pada 1955, sebelum Akta Pekerja digazet dan berkuat kuasa dua tahun kemudian.

Sudah kelaziman apabila menyambut detik bermakna buat tenaga kerja, soalan yang selalunya berlebar adalah apa hasrat mereka untuk dipertimbang oleh kerajaan dan majikan di sektor swasta. Jika disingkap pada tahun lalu, terdapat beberapa tuntutan, termasuk menerusi sebuah deklarasi dibuat yang antaranya menyentuh kepada pelaksanaan gaji minimum.

Menerusi sudut pandang yang lebih menyeluruh, tatkala gaji adalah elemen penting untuk pekerja, sebenarnya aspek kebajikan menerusi jaminan sosial juga adalah antara nadi utama buat tenaga kerja sebagai pemacu pertumbuhan Malaysia. Adakah Malaysia kini menyediakan jaringan perlindungan sosial, tanpa sebarang kelompongan untuk berfungsi sebagai taliyan hayat terbaik agar 17 juta tenaga kerja tidak terjerumus ke kancang kemiskinan, seandainya perlu nasi mereka terjejas angkara insiden tidak diingini?

Perangkaan semasa menunjukkan lebih 54,800 kes permohonan faedah menerusi Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (Akta 4) ditolak sejak 2011, disebabkan kemalangan yang bukan dikategorikan sebagai bencana kerja. Malah, pola sebegini dilanjut meningkat rentetan arus perubahan norma kerja baharu, pasca COVID-19 seperti bekerja di rumah. Tanpa perlindungan sosial bersifat 24 jam, tentunya kelangsungan pendapatan pekerja ibarat telur berada di hujung tanduk



Dato' Sri Dr. Mohammed Azman Aziz Mohammed  
Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PERKESO

rentetan kesan kemalangan luar jangka.

Bagi yang cakna, segelintir mereka mengambil polisi insurans kemalangan diri daripada syarikat insurans swasta. Bagaimanapun, penelitian mendapati sekitar 46 peratus daripada populasi bekerja di Malaysia tidak mempunyai sebarang insurans kemalangan diri disebabkan kadar harganya yang lebih mahal. Sehubungan itu, kelompongan ini wajar ditangani secara tuntas, selari aspirasi menjelang 1 Mei 2024.



PERKESO KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA



PERKESO 24'  
TIADA YANG TERPINGGIR

# KARNIVAL KERJAYA

## @ Hari Pekerja KESUMA 2024

30 APRIL - 1 MEI 2024

9.00 PAGI - 4.00 PETANG

PUTRAJAYA INTERNATIONAL  
CONVENTION CENTRE (PICC)



Lebih daripada  
**10,000 peluang pekerjaan**  
ditawarkan!



DAFTAR ▶  
SEKARANG

[myfuturejobs.gov.my/careerfair](http://myfuturejobs.gov.my/careerfair)



## Inklusiviti pasaran kerja

Karnival MYFutureJobs platform pencari kerja mendapatkan pekerjaan sepadanan kelayakan dan kemahiran.

Raut wajah mulanya suram bertukar gembira. Bibir diketap rapat tadi pantas mengukir senyuman tatkala mendengar penerangan daripada pegawai bertugas di reruai para majikan yang mengambil bahagian seperti RHB Bank, PantangPlus dan DHL Asia Pacific Shared Services.

Itulah antara ragam sebahagian besar golongan pencari kerja yang dapat dilihat sepanjang berlangsungnya Karnival Kerjaya Wanita MYFutureJobs PERKESO 2024: Tiada Yang Terpinggir sempena Sambutan Hari Wanita oleh Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur Convention pada Mac lalu.

Mereka hadir membawa matlamat sama iaitu mencari pekerjaan bersesuaian kelayakan akademik dan kepakaran diri menerusi portal MYFutureJobs inisiatif Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO).

Selepas memperoleh info dan membelek risalah, jari-jemari segera mengisi butir maklumat diri di dalam borang disediakan.

Menariknya, seramai 1,077 pencari kerja

yang hadir ke karnival tersebut direkodkan dan sebanyak 66 peratus daripada mereka berjaya mendapat pekerjaan atau layak ke peringkat temu duga seterusnya. Itu adalah satu pencapaian membanggakan kerana PERKESO telah membuka lebih banyak ruang dalam pembangunan karier masyarakat di negara ini.

Tambahan pula statistik menunjukkan antara tahun 2023 hingga 29 Februari lalu, KESUMA menerusi PERKESO berjaya melaksanakan 6,475 karnival kerjaya termasuk sesi temu duga harian dan mingguan.

Terdahulu, sambutan Hari Wanita KESUMA dan Karnival Kerjaya Wanita MYFutureJobs PERKESO 2024: Tiada Yang Terpinggir dirasmikan oleh Menteri Sumber Manusia, Steven Sim Chee Keong.

Hadir sama ialah Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato' Sri Nancy Shukri; Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Manusia, Dato' Sri Khairul Dzaiamee Daud; Penggerusi Lembaga PERKESO, Dato' Sri Subahan Kamal dan Ketua Pegawai Eksekutif

Kumpulan PERKESO, Dato' Sri Dr. Mohammed Azman Aziz Mohammed.

Dalam perkembangan berkaitan, portal MYFutureJobs diperkenalkan pada tahun 2020 merupakan perkhidmatan sokongan percuma disediakan kepada pencari kerja mendapatkan pekerjaan. Ia dipacu oleh kecerdasan buatan (*artificial intelligence*) yang berupaya membuat padanan pekerjaan berdasarkan kelayakan akademik, pengalaman, kemahiran dan kompetensi pencari kerja dengan keperluan majikan.

Selain itu, ia berperanan sebagai infrastruktur pasaran buruh semasa yang turut berfungsi bagi menyediakan maklumat keperluan industri dan profil tenaga kerja semasa serta pencari kerja dapat memperoleh analisa jurang untuk kemahiran sedia ada.

Berdasarkan Belanjawan 2024, KESUMA melalui PERKESO telah diamanahkan untuk melaksanakan beberapa inisiatif bagi merancakkan peluang pekerjaan kepada semua pencari kerja menerusi pelbagai inisiatif seperti Program Bina Kerjaya 2.0, Program Peningkatan Kemahiran, Program Advokasi Majikan oleh PERKESO, Penyediaan Pusat Penempatan dan Penerokaan Kerjaya Kebangsaan.

Inisiatif bagi golongan terpinggir pula dari segi penyediaan penempatan pekerjaan swasta kepada Orang Kelainan Upaya (OKU), Orang Diparol (ODP), warga emas dan pesara.

Namun begitu, PERKESO terus memastikan semua golongan rentan lain seperti wanita, Orang Asli, graduan dan sebagainya terus mendapat perhatian MYFutureJobs.

## STATISTIK GOLONGAN TERPINGGIR MENDAPAT PEKERJAAN MENERUSI PERKESO

Setakat **15 Mac 2024**, seramai **29,535** pencari kerja berjaya mendapat pekerjaan. Daripada jumlah itu, sejumlah **717** merangkumi warga emas/pesara, Orang Kelainan Upaya (OKU), Orang Diparol (ODP), Orang Bebas Berlesen (OBB) dan Penghuni Bebas Lesen (PBL).



Seramai **238 majikan** menerima **Insentif Kerajaan 2024** dengan pengajian seramai **382** orang warga emas/pesara, OKU, ODP, OBB dan PBL.

Daripada jumlah pencari kerja yang mendapat pekerjaan bagi **tahun 2024**, seramai **11,010** merupakan Personel MySTEP yang ditempatkan di kementerian dan agensi menerusi Integrasi Kumpulan Sasaran ke dalam **Sektor Awam** melalui program MySTEP (*Malaysia Short-Term Employment Programme*).

# Pertumbuhan dalam pekerjaan ketika pasaran buruh sesak

Ekonomi Malaysia menyaksikan pertumbuhan yang konsisten selepas pandemik Covid-19 terutamanya dalam pasaran buruh.

La dibuktikan dengan pembalikan antara Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dan kadar pengangguran dalam negara.

Bagaimanapun, korelasi tersebut berkemungkinan menandakan pasaran buruh yang terlalu sesak (*tight labour market*) jika kadar pengangguran terus menurun, malah berpotensi menjunam di bawah paras sebelum pandemik. PERKESO telah menerbitkan artikel berhubung pertumbuhan progresif dalam pekerjaan pada tahun 2023 dengan kadar pengangguran diramal menurun kepada 3.2 peratus dari 3.5 peratus.

Sektor pertanian berkembang 10.1 peratus manakala perlombongan, kuari dan pembinaan



Bahagian Perkhidmatan Maklumat dan Analisa Pekerjaan PERKESO

Antara lima sektor yang dijangka berkembang adalah pertanian dan pembuatan meningkat lebih daripada 5 peratus. Ia diikuti sektor perkhidmatan diramal meningkat sebanyak 3 peratus manakala pembinaan, perlombongan dan pengkuarian pula melonjak sebanyak 1 peratus. Begitu pun, pada penghujung tahun 2023, pertumbuhan sebenar dalam guna tenaga bagi setiap sektor terbatas mencatatkan peningkatan.”



## 9.4 juta

pekerja di sektor swasta



## 6.3 juta

bekerja sendiri



## 235,000

jawatan kosong diramal dalam sektor perkhidmatan



## 78,000

jawatan kosong diramal dalam sektor pembuatan

**3.2%**

ramalan kadar pengangguran yang semakin menurun

**85%**

kadar penurunan kekosongan jawatan yang telah berjaya diisi



mencatat peningkatan sebanyak 4.9 peratus dan 4.2 peratus.

Dua sektor yang lebih besar iaitu pembuatan dan perkhidmatan mencatatkan kadar pertumbuhan lebih rendah daripada jangkaan pada 3 peratus dan 1.8 peratus.

Kadar pertumbuhan lebih rendah dalam sektor lebih besar ini menyumbang kepada kadar pengangguran yang kekal pada 3.4 peratus akhir tahun lalu.

Landskap ekonomi semasa tidak menunjukkan sebarang kemungkinan yang akan memberi kesan ketara kepada pasaran buruh. Kadar pengangguran dijangka menurun ke tahap sebelum pandemik.

### Trend cetus pasaran buruh sesak

Terdapat beberapa signal kepada pasaran buruh yang sesak seperti kadar pengangguran, mobiliti pekerjaan, kadar kekosongan dan kehilangan pekerjaan.

Pada masa ini, pasaran buruh menunjukkan perubahan ketara dalam mobiliti pekerjaan pekerja sektor swasta.

Mobiliti pekerjaan dalam pasaran buruh mengalami penurunan ketara sebanyak 18 peratus dari 2019 hingga 2023 seperti

penurunan kadar pengambilan pekerja daripada 1.8 peratus kepada 1.5 peratus.

Dalam pada itu, portal MYFutureJobs turut menyaksikan kemerosotan ketara kekosongan jawatan menandakan trend berterusan penurunan jawatan sepanjang tahun lalu.

Terdapat penurunan ketara sebanyak 85 peratus dari Januari hingga Disember menunjukkan pengisian besar bagi jawatan yang pernah kosong oleh majikan.

Secara asas, peralihan ini telah mengubah pasaran buruh dengan mewujudkan persekitaran lebih selektif apabila majikan hari ini mengutamakan set kemahiran tertentu semasa pengambilan pekerja.

Selain itu, katanya, data Kehilangan Pekerjaan (LOE) mendedahkan aliran meningkat yang konsisten dengan peningkatan ketara melebihi 42 peratus dari Januari hingga Disember tahun lalu menjadikan jumlah tahunan sebanyak 49,982 kes.

Beliau menjelaskan, sebahagian besar penyumbang utama kepada kehilangan pekerjaan adalah Skim Pemisahan Sukarela (VSS), pengeciran saiz operasi, penutupan perniagaan dan kesukaran kewangan.

# Pekerja asing layak menikmati manfaat PERKESO

Malang tidak berbau. Seperti dalam lapangan industri berat yang rata-rata menggaji pekerja asing, risiko kemalangan adalah tinggi. Majikan pula wajib memikul tanggungjawab bagi memastikan kebijakan pekerja terus terpelihara, lebih-lebih lagi apabila berlaku kemalangan di tempat kerja.

Buat majikan yang mencarum, Skim Bencana Kerja PERKESO di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (Akta 4) tidak membebankan kerana kadar caruman adalah serendah 1.25 peratus daripada gaji bulanan. Para pekerja asing di negara ini boleh menikmati perlindungan selayaknya, malah keluarga di negara asal juga dapat merasa manfaat.

Ketua Bahagian Pekerja Asing PERKESO, Hairiri Harun berkata, sejak 1 Januari 2019, PERKESO telah mengambil alih perlindungan bencana kerja bagi pekerja asing daripada Skim Pampasan Pekerja Asing (SSPA) yang sebelum



**HAIRIRI HARUN**

Ketua Bahagian Pekerja Asing  
PERKESO

Sekiranya terdapat sebarang kemusyikan, segeralah hubungi kami melalui pelbagai saluran yang telah disediakan. PERKESO sentiasa prihatin untuk membantu pihak majikan melunaskan tanggungjawabnya dan atas dasar prihatin, PERKESO juga tidak akan berkompromi sekiranya majikan gagal berbuat demikian.”

ini dikawal selia oleh Jabatan Tenaga Kerja yang bertujuan untuk melindungi pekerja asing sekiranya berlaku apa-apa kemalangan ketika sedang bekerja.

“Selain itu, mulai 1 Jun 2021, skim yang



## SIAPA YANG LAYAK?

Pekerja asing yang mempunyai **pasport** dan **pas khas** untuk pekerja asing baharu.

Pekerja asing yang mempunyai **pasport** dan **Pas Lawatan Kerja Sementara** (PLKS) atau **pas kerja** yang sah untuk pekerja asing sedia ada.



Ini adalah petunjuk bahawa kebanyakan majikan sedar tanggungjawab masing-masing dan memahami kebaikan yang disediakan skim berkenaan hasil publisiti berterusan dan kolaborasi bersama rakan strategik PERKESO terutamanya Jabatan Imigresen Malaysia dan Jabatan Tenaga Kerja.”

sama juga telah diperluaskan kepada pekerja domestik asing. Usaha ini disambut baik oleh pihak majikan dan dianggarkan jumlah pekerja asing yang berdaftar dengan skim ini mencerekah 2 juta orang.

Menurut Hairiri lagi, mana-mana

majikan yang masih belum melunaskan tanggungjawab mendaftar dan mencarum pekerja asing perlu diingat bahawa mereka juga mempunyai hak-hak tertentu yang diperuntukkan di bawah undang-undang Malaysia termasuk PERKESO.



Pendaftaran skim secara dalam talian melalui portal ASSIST PERKESO atau lengkapkan Borang Pendaftaran Pekerja Asing untuk dikemukakan ke pejabat PERKESO berhampiran.

<https://assist.perkeso.gov.my/employer/login>

# PERKESO lindungi semua

Nasib pekerja asing terus dibela. Berikut testimoni Orang Tanggungan (OT) dan Orang Berinsurans (OB) yang menerima Faedah Orang Tanggungan serta Faedah Hilang Upaya Kekal.

Gejala demam, batuk dan sakit tekak yang dialami oleh pekerja asing warganegara India, Prasad Surendra (OB) adalah kesan dari wabak Covid-19 yang dijangkitinya sewaktu bersemuka dengan pelanggan ketika bekerja. Beliau meninggal dunia akibat pneumonia teruk selain kegagalan organ.



**Manfaat PERKESO sangat membantu terutama bantuan kewangan, keperluan harian keluarga termasuk perbelanjaan makanan harian kami. Saya amat berterima kasih kepada PERKESO.”**

Lorrane A. Duyag (OT)

Suyitno (OB) dari Indonesia kehilangan nyawa apabila gagal mengimbangi diri lalu terjatuh dari tempat tinggi sewaktu sedang membuat kerja-kerja plastering di bahagian luar rumah teres 2 tingkat di Fasa 1B Horizon Hills, Iskandar Puteri. Kemalangan ini mengakibatkan kecederaan kepala serius.

## Orang Berinsurans (OB)

Pekerja asing Bangladesh daripada industri pembuatan, Najmul Hussein (OB) telah menerima manfaat Faedah Hilang Upaya Kekal apabila beliau putus tangan kiri ketika menggunakan mesin di tempat kerja.

**Bantuan kewangan daripada pejabat PERKESO di Malaysia sedikit sebanyak meringankan beban kami sekeluarga yang kehilangan ketua keluarga. Kami telah menerima bayaran suku tahunan daripada PERKESO tepat pada masanya.”**

Gayatri Devi (OT)



Duyag Joemel (OB) dari Filipina adalah pekerja sektor pembuatan yang meninggal dunia akibat kecederaan otak traumatis teruk. Beliau dilanggar motosikal ketika ingin mengelak basikalnya daripada dilanggar kereta semasa ke tempat kerja.

**Terima kasih kepada PERKESO di atas bantuan yang diberikan melalui pembayaran faedah PERKESO. Ia banyak membantu saya dan anak-anak memenuhi keperluan kami sekeluarga di kampung.”**

Sulis (OT)



**Terima kasih PERKESO! Saya rasa sangat gembira kerana mampu menanggung keluarga meskipun pergerakan agak terbatas. Dengan bantuan kewangan ini, dapat juga saya menghantar wang ke kampung selain menampung keperluan perubatan sendiri.”**

Najmul Hussein



# Pelangi di hujung duka

Kehidupan seorang pembantu IT berubah kelam sejurus menerima sebuah perkhabaran duka mengenai suaminya.

Najihah Mohd Mabror, 38, yang ketika itu berada di tempat kerjanya di Shah Alam, Selangor menerima satu berita daripada adik kepada arwah suaminya, Mohd Zulazmie Marjo, yang ditimpa kemalangan tempat kerja di Bandar Saujana Putra.

"Sekitar pukul 3.15 petang, saya terima panggilan daripada adik ipar yang memberitahu bahawa suami kemalangan. Lepas itu, saya terus bergegas ke sana," kata ibu kepada dua cahaya mata itu.

Dalam kegusaran tersebut, Skuad PERKESO Prihatin hadir membawa satu berita yang serba sedikit bantu merawat kedukaan Najihah.

Saya menerima bantuan khairat kematian untuk menguruskan jenazah dan selang beberapa hari kemudian, dimaklumkan bahawa saya juga layak menerima bantuan bulanan."

"Pada hari sama, saya didekati pegawai PERKESO di hospital yang membawa hasrat untuk menyalurkan bantuan sepatutnya.

Najihah mengatakan bantuan itu sedikit sebanyak dapat membantunya membesarkan anak-anak yang masih bersekolah.

"Kejadian yang berlaku sudah menjadi ketentuan dan saya perlu berlapang dada. Wang peninggalan itu dapatlah saya belanjakan untuk pendidikan anak-anak saya," ujarnya sebak.

Berdasarkan caruman yang dibuat melalui PERKESO, tanggungan kepada arwah Mohd Zulazmie layak menerima Faedah Orang Tanggungan di bawah Skim Keilatan Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan (1969).



Najihah (kiri) bersama arwah suami Mohd Zulazmie, terus tabah menjalani kehidupan demi kedua-dua anaknya yang berusia enam dan lapan tahun.

Di bawah manfaat tersebut, Najihah dan dua anaknya yang disenaraikan sebagai tanggungan Mohd Zulazmie layak menerima bantuan bulanan sebanyak RM4,950.

Selain daripada bantuan bulanan tersebut, di bawah skim yang sama, arwah Mohd Zulazmie sebagai Orang Berinsurans juga telah menerima Faedah Pengurusan Mayat yang dibayar secara one-off sebanyak RM2,000.

[Lihat sebelah](#)

Dari sebelah

## Faerah PERKESO bantu urus rawatan hilang upaya

Mengimbau kembali kejadian pada April tahun lepas, Lau Kok Hang, 54, berkata, beliau tidak akan pernah dapat melupakan insiden apabila beliau terjatuh dari ketinggian 15 kaki di tempat kerja.

Sewaktu sedang membaiki wayar elektrik di sebuah bengkel kereta di Taman Dagang Jaya Ampang, Selangor, beliau mengalami renjatan elektrik selepas tersentuh wayar yang rosak.

"Saya memanjang tangga setinggi 15 kaki untuk membaiki wayar dan tanpa sedar direnjat elektrik. Lalu saya terjatuh dan pengsan sebelum dibawa ke hospital untuk rawatan," katanya.

Beliau mengalami kecederaan pada bahagian kepala, tulang belakang serviks dan kaki yang memaksanya mendapatkan rawatan di Hospital Kuala Lumpur dan Hospital KPJ Tawakkal.

Kok Hang (kanan) tidak putus harapan walaupun ditimpa kemalangan di tempat kerja.

Kok Hang yang mencarum secara sukarela, mengatakan bahawa beliau menerima bantuan daripada PERKESO susulan kemalangan tersebut.

Dengan Pelan 1 Perlindungan Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri yang dicarumnya, beliau menerima cuti sakit selama 382 hari dan Faerah Hilang Upaya Sementara berjumlah sebanyak RM11,460.

Selepas dirujuk kepada doktor beberapa bulan akibat kemalangan tersebut, Kok Hang didapati telah hilang upaya kekal sebanyak 19 peratus. Melalui Faerah Hilang Upaya Kekal, beliau menerima secara pukal bantuan sebanyak RM29,206.80 daripada pihak PERKESO.

Namun begitu, kejadian ini tidak menghalangnya daripada terus mencari rezeki.

"Saya masih bekerja sebagai juruelektrik, kejadian tersebut tidak mematahkan semangat saya," katanya.



# SKSPS bantu ringan beban Orang Bekerja Sendiri

PERKESO sentiasa prihatin dalam memberi perlindungan keselamatan sosial kepada segenap lapisan masyarakat di negara ini.

Golongan Orang Bekerja Sendiri (OBS) tidak terkecuali dengan kewujudan Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS) meliputi perlindungan bencana pekerjaan sendiri dan penyakit pekerjaan di bawah peruntukan Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017.

Menurut Ketua Bahagian Pekerjaan Sendiri PERKESO, Mohamad Haron Othman, OBS yang mencarum di bawah skim itu akan mendapat perlindungan bermula dari tarikh dan masa caruman dibayar serta diperakui menerusi resit bayaran caruman.

Jelas beliau, mulai 1 Januari 2020, perlindungan keselamatan sosial berkenaan diperluaskan kepada 20 perusahaan pekerjaan sendiri yang lain.

Ujarnya lagi, antara perusahaan pekerjaan sendiri itu termasuk premis penginapan, pengangkutan barang atau makanan, perniagaan dalam talian, penternakan, penjaja, kesenian, perikanan, teknologi maklumat, pembuatan dan banyak lagi.

## Insentif geran padanan SKSPS

Dalam pada itu, Mohamad Haron memberitahu, insentif geran padanan SKSPS adalah insentif daripada kerajaan yang diwujudkan sejak pandemik 2020 bagi meringankan beban rakyat bekerja sendiri dalam mendapat perlindungan keselamatan sosial.

"Pada tahun 2023, kerajaan memperuntukkan subsidi bagi Pendapatan Bulanan Pilihan Yang Diinsuranskan kategori kedua (RM1,550) dengan jumlah caruman



**MOHAMAD HARON  
OTHMAN**

Ketua Bahagian  
Pekerjaan Sendiri  
PERKESO

Skim berkenaan diwajibkan ke atas sektor pengangkutan penumpang yang terdiri daripada pemandu teksi berkuatkuasa mulai 13 Jun 2017.

Ia diperluaskan kepada perkhidmatan pengangkutan penumpang lain seperti pemandu bas sekolah, e-hailing, pemandu bas dan van sekolah bermula pada 1 Oktober 2018 dan 1 Februari 2019.

setahun sebanyak RM232.80.

"Dengan bantuan subsidi kerajaan, sebahagian caruman sebanyak RM186.20 (80 peratus) akan ditanggung oleh kerajaan manakala OBS hanya perlu membayar baki RM46.60 setahun untuk mendapatkan perlindungan di bawah SKSPS," ujarnya.

Bagi tahun ini pula, beliau menambah, kerajaan masih meneruskan peruntukan subsidi untuk membantu golongan bekerja sendiri dengan menaikkan lagi kadar subsidi daripada 80 peratus kepada 90 peratus.

Katanya, ia bermakna, sebahagian caruman SKSPS iaitu RM209.50 (90 peratus) akan ditanggung oleh kerajaan manakala OBS hanya perlu membayar baki RM23.30 setahun untuk perlindungan sosial SKSPS.

"Perlindungan SKSPS melindungi Orang Berinsurans bekerja sendiri daripada bencana pekerjaan sendiri dan penyakit pekerjaan."

"Bencana pekerjaan sendiri termasuk kemalangan semasa menjalankan aktiviti pekerjaan dan penyakit pekerjaan," jelasnya lagi.

Lihat sebelah



## KELAYAKAN PENCARUM SKSPS

Tiada had  
umur.



**Warganegara  
Malaysia  
atau  
pemastautin  
tetap.**



**Individu** yang  
menjalankan  
**aktiviti pekerjaan  
sendiri** untuk  
mencari **nafkah**  
dan mendapat  
**upah.**

Dari sebelah

Mohamad Haron menambah, penyakit pekerjaan adalah penyakit yang berpunca atau terbit daripada pekerjaan.

Katanya, skim berkenaan menyediakan faedah tunai kepada Orang Berinsurans bekerja sendiri dan tanggungannya.

"Ia juga menyediakan rawatan perubatan, pemulihan jasmani dan latihan vokasional," ujarnya.

Sehingga 15 Mac 2024, terdapat sebanyak 42,687 OBS yang mendapat perlindungan sosial SKSPS melalui inisiatif terbaharu daripada

Bajet 2024.

Kementerian Pengangkutan turut melaksanakan inisiatif bantuan caruman PERKESO kepada 50,000 pemandu teksi dan bas sekolah di seluruh negara tahun ini.

Bantuan terbabit antara usaha kementerian itu untuk memberi perlindungan keselamatan sosial kepada golongan berkenaan.

Golongan sasar yang boleh menyertai Insentif kerajaan iaitu SPS Padanan Caruman 2.0 dan SPS Madani 2.0 di bawah Belanjawan Madani 2024 adalah seperti berikut:

BAJET 2023	PROGRAM BAJET 2024	KATEGORI GOLONGAN RENTAN & BARISAN HADAPAN
SPS MADANI 2.0	SPS MADANI - PERKHIDMATAN RUMAH IBADAT ISLAM 2.0	Perkhidmatan rumah ibadat Islam masjid di bawah JAKIM/ Negeri.
	SPS MADANI - CFS 2.0	Pekerja berstatus Contract For Service bagi sektor awam ( <i>federal</i> ).
	SPS MADANI - PENYELIA PETUGAS DALAM KOMUNITI 2.0	Penyelia dan petugas pemulihan dalam komuniti.
SPS PADANAN	SPS MADANI - SUKARELAWAN 2.0	Sukarelawan ATM, APM, Maritim, PDRM, RELA dan BOMBA.
	SPS JORAN 2.0	Perikanan (termasuk akuakultur).
CARUMAN 2.0	SPS AGRO 2.0	Pertanian, perladangan dan penerangan.
	SPS GIG 4.0	Definisi menggunakan aplikasi digital di bawah syarikat pengantara (Service Platform Provider) semua sektor teksi, bas, lori, p-hailing, e-hailing dan <i>merchant</i> .
	SPS USAHAWANITA 3.0	Wanita bekerja sendiri di bawah 20 sektor.
	SPS JAJA 3.0	Penjaja (makanan, cenderahati, aksesori, pakaian, sayuran, perubatan, urutan dan pembuatan).
	SPS SENI 3.0	Artis (pelakon, penyanyi, pelukis, penari, peragawati, jurufoto, semua kelas di bawah sektor kesenian, pembinaan dan pengumpul barang).
	SPS LAIN UPAYA 3.0	Orang Kelainan Upaya (OKU) dan Orang Asli (Semenanjung).
	SPS ASAL 3.0	Orang Asal Sabah dan Sarawak.
	SPS SUKAN 2.0	Semua sukan Malaysia (tradisional, e-sport dan jurulatih).
	SPS DIDIK 2.0	Sektor pendidikan (pelatih, cikgu persendirian, tutor, jurulatih, perkhidmatan dan rumah ibadat). Sektor ejen (profesional, data dan penginapan).
	SPS SERVIS 2.0	Malim gunung, pemandu pelancong, sukarelawan, contract for service dan ICT.



**PERKESO**



## JANGAN KELIRU!



**SALAH**  
Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah (SKSSR) hanya untuk suri rumah.



**BETUL**  
Perempuan sama ada berkahwin atau belum yang menguruskan rumah tangga secara sepenuh masa atau tidak, termasuk isteri, ibu, janda, balu atau ibu tunggal juga layak mencarum SKSSR.



### **SALAH**

Pekerja sambilan (part time) dan kontrak bermajikan tidak perlu mencarum PERKESO.



### **BETUL**

Pekerja sambilan (part time) dan kontrak bermajikan wajib mencarum PERKESO.



### **SALAH**

Pekerja dalam tempoh percubaan tidak perlu mencarum PERKESO.



### **BETUL**

Sebaik pekerja mula berkhidmat dengan majikan meskipun dalam tempoh percubaan, majikan WAJIB mencarum PERKESO ke atas pekerja terbabit.



### **SALAH**

Faedah Orang Tanggungan dan Pencen Penakat adalah sama.



### **BETUL**

Faedah Orang Tanggungan dibayar kepada Orang Tanggungan yang layak sekiranya Orang Berinsurans meninggal dunia akibat bencana kerjaan.

Pencen Penakat dibayar kepada Orang Tanggungan yang layak apabila Orang Berinsurans meninggal dunia akibat sebarang sebab yang tidak berkaitan dengan pekerjaan.





# SELAMAT HARI PEKERJA 2024

PEKERJA KESUMA BANGSA  
1 MEI 2024

PERKESO mengucapkan Selamat Hari Pekerja kepada semua warga pekerja di Malaysia meliputi semua golongan tidak kira sektor formal, tidak formal, bekerja sendiri ataupun suri rumah.

Kami di PERKESO berlitzam untuk terus membawa senyuman dengan memperluaskan jaringan liputan perlindungan keselamatan sosial bagi memastikan tiada golongan terpinggir demi kesejahteraan rakyat.

